

# JPA tahan bonus kakitangan bermasalah

BA 24/6/03

KUALA LUMPUR: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menanggukkan pemberian bonus setengah bulan gaji untuk kakitangan yang ditahan kerja atau digantung perkhidmatan termasuk yang sedang menghadapi sebarang pertuduhan tata tertib.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, berkata kakitangan terbabit hanya layak dibayar imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) mendapati mereka tidak bersalah atau cuma dikenakan hukuman tata tertib seperti amaran.

Bagaimanapun katanya, kakitangan awam yang dikenakan tata tertib dan yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau dibersarakan atas kepentingan perkhidmatan awam mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2003, juga tidak layak menerima imbuhan tahunan itu.

Turut tidak layak menerimanya adalah mereka yang mengambil cuti tanpa gaji mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2003; yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya serta mereka yang dipinjamkan ke badan antara-bangsa dan syarikat swasta mulai 1 Januari hingga 30 Jun lalu.

“Imbuhan tahunan dibayar kepada anggota dalam kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan iaitu anggota tetap, sementara, sangkut, sambilan, kontrak dan guru sandaran.

“Bayaran khas prestasi dibayar kepada anggota dalam kumpulan pengurusan tertinggi,” katanya dalam pekeliling perkhidmatan bilangan 5 tahun 2003 bertajuk ‘Imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003’ yang baru dikeluarkan.

Bonus sebulan gaji itu yang dibayar pada 2 Jun lalu, diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Pakej Strategi Baru, 21 Mei lalu.